

PM ajak G77 bergabung tenaga

Daripada Mid; Kamarul Shahid

BH

13 APR 2000

HAVANA, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak negara-negara membangun dalam kumpulan 77 (G77) bergabung tenaga dan bertindak secara bersama untuk menjadi sebuah pertumbuhan berkesan.

Perdana Menteri berkata, keadaan negara membangun berbeza dengan negara kaya yang lebih bersatu. Walaupun hanya dianggotai tujuh negara (G7) dan wujud banyak perbezaan sesama sendiri, negara kaya berpadu apabila kepentingan mereka dicabar.

“Ini adalah sidang puncak negara-negara Selatan. Banyak di kalangan kita dan setiap satu daripada kita adalah miskin dan sukar mempengaruhi dasar antarabangsa supaya memihak kepada kita.

“Walaupun setiap kita mungkin lemah, dengan bergabung tenaga ia boleh menjadikan kita kuat. Oleh itu, adalah penting kita bertindak bersama jika mahu menjadi berkesan,” katanya berucap pada Sidang Puncak Selatan

Kumpulan 77 (G77), di sini.

Sambil menyifatkan perhimpunan di ibu kota Cuba ini sebagai manifestasi perpaduan negara membangun, Dr Mahathir berkata walaupun mudah mengadakan pertemuan, negara membangun sukar untuk bertindak bersama.

“Inilah kelemahan kita. Sebaliknya, pendekatan negara maju begitu mudah. Sekiranya ada idea baru dalam bidang sosial, ekonomi atau politik, mereka dengan cepat menghasilkan tafsiran mengikut kepentingan mereka, yang dirangka untuk memberi faedah kepada mereka.

“Itulah sebabnya kita melihat mereka dapat menentukan keadaan dunia dengan mengikut nilai moral, sistem politik dan globalisasi ekonomi. Negara Selatan tidak mempunyai pilihan kecuali bertindak balas terhadap penafsiran mereka,” katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam bidang ekonomi, kekuatan yang ada di kalangan golongan dari negara kaya,

merosakkan ekonomi di Asia Timur dengan merampas hak orang miskin.

Katanya, kepentingan politik dan ideologi kini tidak lagi dianggap perkara utama berbanding pertumbuhan ekonomi dan kekayaan material untuk rakyat.

“Ramai percaya bahawa perdagangan bebas dan pelaburan swasta boleh membantu perkara ini. Globalisasi boleh memberi sumbangan untuk meningkatkan pertumbuhan melalui pengaliran bebas barangan, perkhidmatan dan modal,” katanya.

Dr Mahathir yang tiba di sini semalam turut mengadakan pertemuan dua hala dengan pemimpin negara membangun, antaranya Perdana Menteri Surinam, Albert Wijdenbosh; Perdana Menteri Chad, Nagoum Yamassoum; Naib Perdana Menteri Republik Rakyat China, Li Lanning; Perdana Menteri Belize, Said Musa; Presiden Mali, Alpha Omar Konare; dan Presiden Algeria, Abdul Aziz Bouteflika.